

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 MARCH 2017

# Najib berazam tidak abaikan Sabah

UM - 5/3/2017

**SIPITANG 4 Mac** - Datuk Seri Najib Tun Razak berazam tidak sesekali mengabaikan Sabah dan akan melakukan apa sahaja yang perlu untuk membangunkan negeri ini sebagai tanda penghargaan terhadap sokongan padu rakyat kepada Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu menjadi seperti seorang pemimpin yang memerintah negara selama 22 tahun, tetapi hanya memfokuskan pembangunan di Semenanjung manakala rakyat Sabah hanya 'mampu tengok'.

Katanya, Lebuhraya Pan Bor-

neo Sabah yang berkelas dunia akan menjadi batu loncatan ke arah pembangunan negeri ini kerana bakal mencipta 400,000 peluang pekerjaan serta menjana ekonomi di sepanjang 1,236 kilometer laluan selepas siap nanti.

"Ada pendahulu saya menjadi pemimpin 22 tahun, dia tidak buat Lebuhraya Pan Borneo, dia buat Lebuhraya Utara Selatan sahaja.

"Orang Sabah mampu tengok sahaja, orang Sabah pun mahu rasa lebuhraya, takkan di Semenanjung sahaja, di sini kita jalan dari pantai timur ke Kota Kinaba-

lu 12 jam dalam kereta, kalau saya sudah terhuyung-hayang.

"Saya berazam bahawa ini bakal menjadi gambaran sejarah kerana melalui lebuhraya ini kita akan ubah pembangunan dan perhubungan Sabah. Dalam lima tahun lagi rangkaian lebuhraya bernilai RM12 bilion siap tanpa tol, ini sumbangan daripada kerajaan Pusat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis pelancaran Lebuhraya Pan Borneo Sabah jajaran Jalan Sindumin-Kampung Melalia sepanjang 24 kilometer yang bernilai RM600 juta.

Projek berkenaan yang dijadualkan siap dalam tempoh tiga tahun bakal memacu pembangunan kawasan pedalaman Sindumin yang terletak 180 kilometer dari Kota Kinabalu sebagai pintu gerbang negeri untuk kemasukan pelancong dari Sarawak dan Brunei menggunakan jalan darat.

Jajaran Jalan Sindumin-Kampung Melalia merupakan sebahagian daripada 706 kilometer projek berkenaan di pantai barat dan merupakan pakej keempat dilancarkan Perdana Menteri selepas daerah Papar, Tawau, Semporna dan Lahad Datu.